



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**INDEKS PEMBANGUNAN RAKYAT MALAYSIA 2023
MALAYSIA HUMAN DEVELOPMENT INDEX 2023**

Pemakluman

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan". DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Announcement

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on 20th October. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Diterbitkan dan dicetak oleh / *Published and printed by:*

Jabatan Perangkaan Malaysia
Department of Statistics Malaysia

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62514 Putrajaya,
MALAYSIA

Tel. : 03-8885 7000
Faks : 03-8888 9248
Portal : <https://www.dosm.gov.my>
Facebook / X / Instagram / YouTube : StatsMalaysia
E-mel / *E-mail* : info@dosm.gov.my
(pertanyaan umum / *general enquiries*)
data@dosm.gov.my
(pertanyaan & permintaan data /
data request & enquiries)

Harga / *Price* : RM15.00

Diterbitkan pada Disember 2024 / *Published on December 2024*

Hakcipta terpelihara / *All rights reserved.*

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pengguna yang mengeluarkan sebarang maklumat dari terbitan ini sama ada yang asal atau diolah semula hendaklah meletakkan kenyataan berikut:

“Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia”

No part of this publication may be reproduced or distributed in any form or by any means or stored in database without the prior written permission from Department of Statistics Malaysia. Users reproducing content of this publication with or without adaptation should quote the following:

“Source: Department of Statistics Malaysia”

ISSN : 3009 – 190X

KATA PENGANTAR

Laporan Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia/ *Malaysia Human Development Index* (MHDI) 2023 diterbitkan bagi mengukur tahap pembangunan manusia yang merupakan kriteria utama dalam mengukur kemajuan sesebuah negara selain daripada aspek ekonomi. MHDI meliputi tiga dimensi iaitu umur yang panjang dan kehidupan yang sihat; akses kepada pengetahuan dan taraf hidup yang baik. Indeks ini dibangunkan berdasarkan Laporan *Human Development Index* (HDI), *United Nations Development Programme* (UNDP).

Penerbitan ini terbahagi kepada lima bahagian. Bahagian pertama memaparkan infografik, diikuti bahagian kedua memperihalkan ringkasan penemuan. Bahagian ketiga pula mengandungi rencana berkaitan *Human Development Index* (HDI) yang dikeluarkan oleh UNDP. Seterusnya, diikuti dengan jadual statistik di bahagian keempat. Bahagian kelima mengandungi nota teknikal untuk menerangkan konsep, sumber data, metodologi dan penerangan bagi setiap indikator untuk membantu pengguna memahami statistik yang diterbitkan dalam laporan ini.

Jabatan Perangkaan Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menyumbang dalam penyediaan penerbitan ini. Setiap maklum balas dan cadangan ke arah penambahbaikan penerbitan ini pada masa akan datang amat dihargai.

DATO' SRI DR. HAJI MOHD UZIR MAHIDIN

Ketua Perangkawan Malaysia

Disember 2024

PREFACE

The Malaysia Human Development Index (MHDI) Report 2023 is published to measure the level of human development which is the main criteria in measuring the progress of a country aside from economic aspects. MHDI comprises three dimensions namely long and healthy life; access to knowledge and a decent standard of living. This index is developed based on the Human Development Index (HDI) Report, United Nations Development Programme (UNDP).

This publication is divided into five sections. The first section presents an infographic, followed by the second section which provides a summary of the findings. The third section features an article related to the Human Development Index (HDI) published by UNDP. Next, followed by statistical tables in the fourth part. The fifth section contains technical notes explaining the concepts, data sources, methodologies and descriptions for each indicator to help users understand the statistics published in this report.

The Department of Statistics Malaysia gratefully acknowledges the cooperation rendered by all parties who have contributed in preparing this publication. Every feedback and suggestion from all parties towards improving the future publication is highly appreciated.

DATO' SRI DR. HAJI MOHD UZIR MAHIDIN

Chief Statistician Malaysia

December 2024

KANDUNGAN
CONTENTS

MUKA SURAT
PAGE

	Kata Pengantar <i>Preface</i>	iii
	Kandungan <i>Contents</i>	v
	Senarai Jadual <i>List of Tables</i>	vii
01	Sepintas Lalu <i>At a Glance</i>	1
02	Ringkasan Penemuan <i>Summary of Findings</i>	5
03	Rencana <i>Article Box</i>	35
04	Jadual Statistik <i>Statistical Tables</i>	45
05	Nota Teknikal <i>Technical Notes</i>	77

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank



SENARAI JADUAL

LIST OF TABLES

SENARAI JADUAL LIST OF TABLES

Statistik Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia *Malaysia Human Development Index Statistics*

Muka Surat
Page

A1	Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia 2023 <i>Malaysia Human Development Index 2023</i>	48
A2	Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia 2022 <i>Malaysia Human Development Index 2022</i>	49
A3	Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia 2021 <i>Malaysia Human Development Index 2021</i>	50
A4	Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia 2020 <i>Malaysia Human Development Index 2020</i>	51
A5	Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia 2019 <i>Malaysia Human Development Index 2019</i>	52
A6	Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia 2018 <i>Malaysia Human Development Index 2018</i>	53
A7	Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia 2017 <i>Malaysia Human Development Index 2017</i>	54
A8	Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia 2016 <i>Malaysia Human Development Index 2016</i>	55
A9	Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia 2015 <i>Malaysia Human Development Index 2015</i>	56

SENARAI JADUAL LIST OF TABLES

Statistik Warganegara *Statistics for Citizens*

Muka Surat
Page

B1	Indeks Jangkaan Hayat bagi warganegara Malaysia mengikut negeri, Malaysia, 2015-2023 <i>Life Expectancy Index for Malaysia citizens by state, Malaysia, 2015-2023</i>	58
B2	Indeks Pendidikan bagi warganegara Malaysia mengikut negeri, Malaysia, 2015-2023 <i>Education Index for Malaysia citizens by state, Malaysia, 2015-2023</i>	60
B3	Indeks Pendapatan Negara Kasar (PNK) mengikut negeri, Malaysia, 2015-2023 <i>Gross National Income (GNI) Index by state, Malaysia, 2015-2023</i>	62
B4	Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia bagi warganegara Malaysia mengikut negeri, Malaysia, 2015-2023 <i>Malaysia Human Development Index for Malaysia citizens by state, Malaysia, 2015-2023</i>	64

Statistik Warganegara dan Bukan Warganegara *Statistics for Citizens and Non-Citizens*

C1	Indeks Jangkaan Hayat mengikut kewarganegaraan dan negeri, Malaysia, 2015-2023 <i>Life Expectancy Index by citizenship and state, Malaysia, 2015-2023</i>	68
C2	Indeks Pendidikan mengikut kewarganegaraan dan negeri, Malaysia, 2015-2023 <i>Education Index by citizenship and state, Malaysia, 2015-2023</i>	70
C3	Indeks Pendapatan Negara Kasar (PNK) mengikut negeri, Malaysia, 2015-2023 <i>Gross National Income (GNI) Index by state, Malaysia, 2015-2023</i>	72
C4	Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia mengikut kewarganegaraan dan negeri, Malaysia, 2015-2023 <i>Malaysia Human Development Index by citizenship and state, Malaysia, 2015-2023</i>	74

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank



SEPINTAS LALU

AT A GLANCE




INDEKS PEMBANGUNAN RAKYAT MALAYSIA (MHD) 2023


OBJEKTIF

MHDI dibangunkan untuk mengukur tahap pembangunan manusia yang meliputi tiga dimensi iaitu umur yang panjang dan kehidupan yang sihat; akses kepada pengetahuan dan taraf hidup yang baik.


MHDI MENGIKUT DIMENSI



SKOR HDI BAGI NEGARA ASEAN, 2022



MHDI MENGIKUT DIMENSI, 2015-2023



SKOR MHDI MENGIKUT NEGERI



Nota: Data merujuk kepada warganegara Malaysia

Sumber: Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)




MALAYSIA HUMAN DEVELOPMENT INDEX (MHDI) 2023

OBJECTIVE

MHDI is developed to measure the level of human development that comprises of three dimensions namely long and healthy life; access to knowledge and a decent standard of living.


MHDI BY DIMENSION



HDI SCORES FOR ASEAN COUNTRIES, 2022



MHDI BY DIMENSION, 2015-2023



MHDI SCORE BY STATE



Note: Data refer to Malaysia citizens

Source: Malaysia Human Development Index 2023, Department of Statistics Malaysia (DOSM)

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank



RINGKASAN PENEMUAN

SUMMARY OF FINDINGS

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

→ PENGENALAN

Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (MHDI) merupakan indeks yang dibangunkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bagi menilai tahap pembangunan manusia yang merupakan kriteria utama dalam mengukur kemajuan sesebuah negara selain daripada aspek ekonomi.


MHDI meliputi tiga dimensi iaitu umur yang panjang dan kehidupan yang sihat; akses kepada pengetahuan dan taraf hidup yang baik.

MHDI menggunakan nilai skor dari 0.000 hingga 1.000.



Pengukuran ini menunjukkan semakin tinggi nilai skor diperoleh semakin baik tahap pembangunan rakyat. Nilai skor bagi skala MHDI menunjukkan nilai di bawah 0.550 adalah rendah; 0.550 hingga 0.699 adalah sederhana; 0.700 hingga 0.799 adalah tinggi manakala 0.800 dan ke atas adalah sangat tinggi. Tahap pembangunan rakyat Malaysia dikategorikan kepada empat skor seperti **Paparan 1**.

Paparan 1: Skala Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (MHDI)




Nota: Skala ini adalah berdasarkan Laporan *Human Development Index*

→ INDEKS DIMENSI PEMBANGUNAN RAKYAT MALAYSIA

MHDI dinilai berdasarkan tiga dimensi utama iaitu umur yang panjang dan kehidupan yang sihat, akses kepada pengetahuan serta taraf hidup yang baik. Dimensi umur yang panjang dan kehidupan yang sihat diukur berdasarkan satu indikator iaitu jangkaan hayat ketika

lahir. Dimensi akses kepada pengetahuan terbahagi kepada dua indikator iaitu jangkaan tahun persekolahan dan purata tahun persekolahan. Manakala, dimensi taraf hidup yang baik meliputi satu indikator iaitu Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita.

Paparan 2: Indeks Dimensi Pembangunan Rakyat Malaysia



→ PRESTASI MHDI

Prestasi skor MHDI pada 2023 berada di tahap sangat tinggi dengan skor 0.816. Analisis mengikut indeks dimensi menunjukkan skor indeks tertinggi yang dicatatkan pada tahun 2023 adalah Indeks Pendapatan Negara Kasar (PNK) dengan skor 0.872 (2022: 0.872) diikuti oleh

Indeks Jangkaan Hayat dengan skor 0.826 (2022: 0.823) dan Indeks Pendidikan dengan skor 0.754 (2022: 0.757). Kesemua indeks berada pada tahap pembangunan yang sangat tinggi kecuali Indeks Pendidikan di tahap pembangunan tinggi.

Jadual 1: Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia, 2022 dan 2023

Indeks Dimensi	2022	2023	2022-2023	
			Perubahan Mata Indeks	Pertumbuhan (%)
Indeks Jangkaan Hayat	0.823	0.826	0.003	0.4
Indeks Pendidikan	0.757	0.754	-0.003	-0.4
Indeks Pendapatan Negara Kasar (PNK)	0.872	0.872	0.000	0.0
Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (MHDI)	0.816	0.816	0.000	0.0

“
Prestasi skor MHDI pada 2023 berada di tahap sangat tinggi dengan skor 0.816.
 ”



→ PRESTASI MHDİ MENGIKUT DIMENSI


1

İNDEKS JANGKAAN HAYAT

Dimensi : Umur yang panjang dan kehidupan yang sihat
 Indikator : Jangkaan hayat ketika lahir


Indeks Jangkaan Hayat diukur berdasarkan satu indikator iaitu jangkaan hayat ketika lahir. Skor Indeks Jangkaan Hayat berada pada tahap skala yang sangat tinggi iaitu pada skor 0.826.

Paparan 3: Indeks Jangkaan Hayat, 2023



Bagi tahun 2022 hingga 2023, Indeks Jangkaan Hayat mencatatkan peningkatan sebanyak 0.003 mata indeks iaitu 0.826 pada 2023 berbanding 0.823 pada 2022. Peningkatan indeks jangkaan hayat ini disebabkan jumlah kematian pada tahun 2023 telah berkurangan berbanding 2021 dan 2022 yang mana berlakunya lebih kematian semasa pandemik COVID-19.

Carta 1: Indeks Jangkaan Hayat, Malaysia, 2015 - 2023



2


INDEKS PENDIDIKAN

Dimensi : Akses kepada pengetahuan

Indikator : Jangkaan tahun persekolahan dan Purata tahun persekolahan


Indikator yang digunakan bagi mengukur Indeks Pendidikan adalah jangkaan tahun persekolahan dan purata tahun persekolahan. Skor Indeks Pendidikan berada pada tahap skala tinggi dengan skor 0.754 pada 2023.

Paparan 4: Indeks Pendidikan, 2023



Indeks Pendidikan menurun 0.003 mata indeks dengan skor indeks 0.754 berbanding tahun sebelumnya iaitu 0.757. Indikator jangkaan tahun persekolahan menyumbang kepada penurunan indeks ini.

Carta 2: Indeks Pendidikan, Malaysia, 2015 - 2023



3

INDEKS PENDAPATAN NEGARA KASAR (PNK)

Dimensi : Taraf hidup yang baik
 Indikator : Pendapatan Negara Kasar (PNK)

Indeks Pendapatan Negara Kasar (PNK) ini dikira berdasarkan indikator Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita. Didapati skor Indeks PNK berada pada tahap skala sangat tinggi dengan nilai skor 0.872.

Paparan 5: Indeks Pendapatan Negara Kasar (PNK), 2023




Indeks PNK	
Tahun	Skor
2022	0.872
2023	0.872



Dalam tempoh 2015 hingga 2019, Indeks PNK meningkat dari 0.820 kepada 0.848 skor indeks. Walau bagaimanapun, indeks ini menurun kepada 0.839 skor indeks pada 2020. Indeks PNK kekal pada 0.872 pada 2023 berbanding 2022 berikutan prestasi ekonomi yang memberangsangkan dengan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 3.6 peratus.

Carta 3: Indeks PNK, Malaysia, 2015 - 2023



→ PRESTASI MHDl MENGIKUT NEGERI


Lapan negeri berada di tahap pembangunan sangat tinggi pada 2023. Negeri yang mencatatkan skor MHDl tertinggi adalah W.P. Kuala Lumpur* dengan skor 0.890. Ini diikuti W.P. Labuan (0.843), Pulau Pinang (0.839), Selangor (0.837), Melaka (0.822), Negeri Sembilan (0.820), Sarawak (0.813) dan Pahang (0.801). Manakala, negeri yang berada pada tahap pembangunan tinggi ialah Johor (0.796), Perak (0.790), Terengganu (0.782), Kedah (0.770), Perlis (0.770), Sabah (0.766) dan Kelantan (0.755).

Lima negeri mencatatkan peningkatan mata indeks tertinggi, dengan Melaka merekodkan peningkatan sebanyak 0.011 mata indeks kepada 0.822 pada 2023 berbanding 0.811 pada 2022. Pulau Pinang meningkat 0.009

mata indeks kepada 0.839 berbanding 0.830 pada tempoh sama. Manakala W.P. Kuala Lumpur*, Negeri Sembilan dan Johor pula meningkat 0.003 mata indeks pada tahun 2023.

Tiga negeri yang merekodkan penurunan mata indeks tertinggi ialah Sarawak iaitu menurun 0.012 mata indeks daripada skor 0.825 kepada 0.813 dan Sabah menurun 0.006 mata indeks daripada skor 0.772 kepada 0.766. Terengganu juga menurun 0.005 mata indeks daripada 0.787 kepada 0.782. Selain itu, Perlis dan Perak mencatatkan nilai skor yang sama bagi kedua-dua tahun iaitu masing-masing pada skor 0.770 dan 0.790.

Paparan 6: Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia mengikut Negeri, 2022 dan 2023



Nota: *Termasuk W.P. Putrajaya

→ PRESTASI MHDl MENGIKUT NEGERI, 2023



W.P. KUALA LUMPUR*

Tahun	2022	2023
MHDl	0.886	0.890
Indeks PNK	1.003	1.008
Indeks Jangkaan Hayat	0.848	0.851
Indeks Pendidikan	0.818	0.823

*Termasuk W.P. Putrajaya

W.P. Kuala Lumpur* adalah negeri yang mencatatkan skor MHDl tertinggi iaitu 0.890 pada tahap pembangunan sangat tinggi. Kesemua indeks dimensi berada pada tahap pembangunan sangat tinggi iaitu Indeks PNK (1.008) diikuti Indeks Jangkaan Hayat (0.851) dan Indeks Pendidikan (0.823).



W.P. LABUAN

Tahun	2022	2023
MHDl	0.839	0.843
Indeks PNK	0.944	0.940
Indeks Jangkaan Hayat	0.834	0.866
Indeks Pendidikan	0.749	0.735

W.P. Labuan berada di tempat kedua dengan skor MHDl iaitu 0.843 pada tahap pembangunan sangat tinggi. Dua indeks dimensi berada pada tahap pembangunan sangat tinggi iaitu Indeks PNK (0.940) dan Indeks Jangkaan Hayat (0.866). Manakala, Indeks Pendidikan berada pada tahap pembangunan tinggi dengan skor 0.735.



PULAU PINANG

Tahun	2022	2023
MHDl	0.830	0.839
Indeks PNK	0.913	0.919
Indeks Jangkaan Hayat	0.822	0.823
Indeks Pendidikan	0.763	0.781

Pulau Pinang berada di tempat ketiga pada tahap pembangunan sangat tinggi dengan skor MHDl 0.839. Indeks PNK dan Indeks Jangkaan Hayat mencatatkan tahap pembangunan sangat tinggi iaitu masing-masing pada skor 0.919 dan 0.823. Manakala, Indeks Pendidikan (0.781) berada pada tahap pembangunan tinggi.



SELANGOR

Tahun	2022	2023
MHDl	0.842	0.837
Indeks PNK	0.890	0.896
Indeks Jangkaan Hayat	0.868	0.868
Indeks Pendidikan	0.772	0.753

Selangor berada pada tahap pembangunan sangat tinggi dengan skor MHDl 0.837. Indeks PNK dan Indeks Jangkaan Hayat mencatatkan tahap pembangunan sangat tinggi iaitu masing-masing pada skor 0.896 dan 0.868. Manakala, Indeks Pendidikan berada pada tahap pembangunan tinggi dengan skor 0.753.



MELAKA

Tahun	2022	2023
MHDl	0.810	0.822
Indeks PNK	0.864	0.874
Indeks Jangkaan Hayat	0.811	0.815
Indeks Pendidikan	0.759	0.779

Melaka berada pada tahap pembangunan sangat tinggi dengan skor MHDl 0.822. Dua indeks dimensi berada pada tahap pembangunan sangat tinggi iaitu Indeks PNK (0.874) dan Indeks Jangkaan Hayat (0.815). Manakala, Indeks Pendidikan (0.779) berada pada tahap pembangunan tinggi.



NEGERI SEMBILAN

Tahun	2022	2023
MHDI	0.817	0.820
Indeks PNK	0.862	0.868
Indeks Jangkaan Hayat	0.812	0.814
Indeks Pendidikan	0.778	0.781

Negeri Sembilan berada pada tahap pembangunan sangat tinggi dengan skor MHDI 0.820. Indeks PNK dan Indeks Jangkaan Hayat berada pada tahap pembangunan sangat tinggi iaitu masing-masing pada skor 0.868 dan 0.814. Manakala, Indeks Pendidikan berada pada tahap pembangunan tinggi dengan skor 0.781.



SARAWAK

Tahun	2022	2023
MHDI	0.824	0.813
Indeks PNK	0.935	0.919
Indeks Jangkaan Hayat	0.831	0.834
Indeks Pendidikan	0.720	0.701

Sarawak berada pada tahap pembangunan sangat tinggi dengan skor MHDI 0.813. Indeks PNK dan Indeks Jangkaan Hayat mencatatkan tahap pembangunan sangat tinggi iaitu masing-masing pada skor 0.919 dan 0.834. Manakala, Indeks Pendidikan berada pada tahap pembangunan tinggi dengan skor 0.701.



PAHANG

Tahun	2022	2023
MHDI	0.803	0.801
Indeks PNK	0.854	0.850
Indeks Jangkaan Hayat	0.806	0.803
Indeks Pendidikan	0.753	0.752

Pahang berada pada tahap pembangunan sangat tinggi dengan skor MHDI 0.801. Skor ini disumbangkan oleh Indeks PNK dengan skor 0.850 diikuti Indeks Jangkaan Hayat dengan skor 0.803. Manakala, Indeks Pendidikan dengan skor 0.752 berada pada tahap pembangunan tinggi.



JOHOR

Tahun	2022	2023
MHDI	0.794	0.796
Indeks PNK	0.833	0.836
Indeks Jangkaan Hayat	0.818	0.820
Indeks Pendidikan	0.734	0.736

Johor berada pada tahap pembangunan tinggi dengan skor MHDI 0.796. Dua indeks dimensi berada pada tahap pembangunan sangat tinggi iaitu Indeks PNK (0.836) dan Indeks Jangkaan Hayat (0.820). Manakala, Indeks Pendidikan dengan skor 0.736 berada pada tahap pembangunan tinggi.



PERAK

Tahun	2022	2023
MHDI	0.791	0.790
Indeks PNK	0.817	0.818
Indeks Jangkaan Hayat	0.814	0.811
Indeks Pendidikan	0.744	0.742

Perak berada pada tahap pembangunan tinggi dengan skor MHDI 0.790. Indeks PNK dan Indeks Jangkaan Hayat mencatatkan tahap pembangunan sangat tinggi iaitu masing-masing pada skor 0.818 dan 0.811. Manakala, Indeks Pendidikan berada pada tahap pembangunan tinggi dengan skor 0.742.



TERENGGANU

Tahun	2022	2023
MHDI	0.787	0.782
Indeks PNK	0.796	0.791
Indeks Jangkaan Hayat	0.783	0.783
Indeks Pendidikan	0.781	0.772

Terengganu berada pada tahap pembangunan tinggi dengan skor MHDI 0.782. Kesemua indeks dimensi berada pada tahap pembangunan tinggi dengan Indeks PNK (0.791), Indeks Jangkaan Hayat (0.783) dan Indeks Pendidikan (0.772).



KEDAH

Tahun	2022	2023
MHDI	0.771	0.770
Indeks Jangkaan Hayat	0.792	0.792
Indeks PNK	0.764	0.766
Indeks Pendidikan	0.758	0.752

Kedah berada pada tahap pembangunan tinggi dengan skor MHDI 0.770. Kesemua indeks dimensi berada pada tahap pembangunan tinggi dengan Indeks Jangkaan Hayat (0.792), Indeks PNK (0.766) dan Indeks Pendidikan (0.752).



PERLIS

Tahun	2022	2023
MHDI	0.768	0.770
Indeks Jangkaan Hayat	0.795	0.802
Indeks Pendidikan	0.746	0.756
Indeks PNK	0.763	0.752

Perlis berada pada tahap pembangunan tinggi dengan skor MHDI 0.770. Satu indeks dimensi berada pada tahap pembangunan sangat tinggi iaitu Indeks Jangkaan Hayat (0.802). Manakala, Indeks Pendidikan dan Indeks PNK berada pada tahap pembangunan tinggi iaitu masing-masing pada skor 0.756 dan 0.752.



SABAH

Tahun	2022	2023
MHDI	0.772	0.766
Indeks Jangkaan Hayat	0.797	0.805
Indeks PNK	0.812	0.791
Indeks Pendidikan	0.711	0.707

Sabah berada pada tahap pembangunan tinggi dengan skor MHDI 0.766. Indeks Jangkaan Hayat berada pada tahap pembangunan sangat tinggi dengan skor 0.805. Manakala, dua indeks dimensi berada pada tahap pembangunan tinggi iaitu Indeks PNK dan Indeks Pendidikan, masing-masing dengan skor 0.791 dan 0.707.




KELANTAN

Tahun	2022	2023
MHDI	0.752	0.755
Indeks Jangkaan Hayat	0.786	0.794
Indeks Pendidikan	0.779	0.777
Indeks PNK	0.696	0.698

Kelantan berada pada tahap pembangunan tinggi dengan skor MHDI 0.755. Dua indeks dimensi berada pada tahap pembangunan tinggi iaitu Indeks Jangkaan Hayat (0.794) dan Indeks Pendidikan (0.777). Manakala, Indeks PNK berada pada tahap pembangunan sederhana dengan skor 0.698.

→ INDEKS JANGKAAN HAYAT MENGIKUT NEGERI

Carta 4: Indeks Jangkaan Hayat mengikut Negeri, 2022 dan 2023




Nota: *Termasuk W.P. Putrajaya

Semua negeri mencatatkan Indeks Jangkaan Hayat yang sangat tinggi pada tahun 2023 kecuali Kelantan (0.794), Kedah (0.792) dan Terengganu (0.783). Indeks Jangkaan Hayat kesemua negeri menunjukkan peningkatan kecuali Perak (2022: 0.812) dan Pahang (2022: 0.805) menurun kepada 0.811 dan 0.803 pada 2023.

Walau bagaimanapun, trend peningkatan bagi kesemua negeri menunjukkan perbezaan skor indeks yang kecil dan kekal berada pada tahap pembangunan yang sama berbanding tahun sebelumnya kecuali Sabah dari tahap tinggi (2022: 0.797) kepada tahap sangat tinggi (2023: 0.805).

→ INDEKS PENDIDIKAN MENGIKUT NEGERI

Carta 5: Indeks Pendidikan mengikut Negeri, 2022 dan 2023




Nota: *Termasuk W.P. Putrajaya

Analisa bagi Indeks Pendidikan menunjukkan W.P. Kuala Lumpur* mencatatkan skor tertinggi iaitu 0.823 pada 2023, diikuti Pulau Pinang (0.781) dan Negeri Sembilan (0.781). W.P. Kuala Lumpur*

kekal berada pada tahap pembangunan yang sangat tinggi berbanding tahun sebelumnya dengan skor 0.818 pada 2022. Manakala, semua negeri yang lain berada pada tahap pembangunan tinggi.

→ INDEKS PENDAPATAN NEGARA KASAR (PNK) MENGIKUT NEGERI

Carta 6: Indeks PNK mengikut Negeri, 2022 dan 2023



Nota: *Termasuk W.P. Putrajaya

Skor Indeks PNK mengikut negeri pada tahun 2023 menunjukkan 10 negeri berada pada tahap pembangunan sangat tinggi. W.P. Kuala Lumpur* mencatatkan nilai skor tertinggi iaitu 1.008. Diikuti tiga negeri lain yang mencatatkan nilai skor melebihi 0.900 iaitu W.P. Labuan (0.940), Pulau Pinang (0.919) dan Sarawak (0.919). Pada tempoh yang sama, empat negeri berada pada tahap pembangunan tinggi iaitu Sabah (0.791), Terengganu (0.791), Kedah (0.766) dan Perlis (0.752).

Walau bagaimanapun, hanya Sabah yang mencatatkan penurunan tahap pembangunan daripada tahap sangat tinggi (2022: 0.812) kepada tinggi (2023: 0.791). Manakala Kelantan kekal berada pada tahap pembangunan sederhana iaitu dengan nilai skor 0.698 pada tahun 2023.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

→ INTRODUCTION


The Malaysia Human Development Index (MHDI) is an index developed by the Department of Statistics Malaysia (DOSM) to evaluate the level of human development which is the main criteria in measuring the progress of a country aside from economic aspects. MHDI comprises three dimensions namely long and healthy life; access to knowledge and a decent standard of living.

MHDI employs a score value from 0.000 to 1.000.



This measurement indicates that the higher the score obtained, the better the level of Malaysia's development. The score values on the MHDI scale shows a value below 0.550 as low; 0.550 to 0.699 as medium; 0.700 to 0.799 as high, while a score of 0.800 and above as very high. The level of people's development in Malaysia is categorised into four scores as shown in Exhibit 1.

Exhibit 1: Malaysia Human Development Index (MHDI) Scale




Note: The scale is based on Human Development Index Report

➔ **DIMENSION INDEX OF MALAYSIA HUMAN DEVELOPMENT**

MHDI was measured based on three dimensions namely long and healthy life, access to knowledge and a decent standard of living. The long and healthy life dimension is measured based on one indicator which is life expectancy at birth. The access to knowledge dimension comprises two indicators namely expected years of schooling and mean years of schooling. Meanwhile, the decent standard of living dimension consists of one indicator namely Gross National Income (GNI) per capita.

Exhibit 2: Dimension Index of Malaysia Human Development



➔ **PERFORMANCE OF MHDI**

The performance of the MHDI score in 2023 was at a very high level of development with a score of 0.816. An analysis by dimension index showed that the highest index score recorded in 2023 was the Gross National Income (GNI) Index with a score of 0.872 (2022: 0.872), followed by the Life Expectancy Index of 0.826 (2022: 0.823) and the Education Index of 0.754 (2022: 0.757). All indices were at a very high level of development except the Education Index at a high level

Table 1: Malaysia Human Development Index, 2022 and 2023

Dimension Index	2022	2023	2022-2023	
			Index Point Change	Growth (%)
Life Expectancy Index	0.823	0.826	0.003	0.4
Education Index	0.757	0.754	-0.003	-0.4
Gross National Income (GNI) Index	0.872	0.872	0.000	0.0
Malaysia Human Development Index (MHDI)	0.816	0.816	0.000	0.0

“
The performance of the MHDI score in 2023 was at a very high level of development with a score of **0.816.**
 ”



➔ PERFORMANCE OF MHDl BY DIMENSION

1

LIFE EXPECTANCY INDEX

Dimension : Long and healthy life
Indicator : Life expectancy at birth


The Life Expectancy Index is measured based on one indicator scale which is life expectancy at birth. The Life Expectancy Index score is at a very high level scale which is 0.826.

Exhibit 3: Life Expectancy Index, 2023



From 2022 to 2023, the Life Expectancy Index recorded an increase of 0.003 index points, rising from 0.823 in 2022 to 0.826 in 2023. This improvement in the life expectancy index is attributed to a reduction in the number of deaths in 2023 as compared to 2021 and 2022, during which there were excess deaths due to the COVID-19 pandemic.

Chart 1: Life Expectancy Index, Malaysia, 2015 - 2023



2


EDUCATION INDEX

Dimension : Access to knowledge

Indicator : Expected years of schooling and Mean years of schooling


The indicators used to measure the Education Index are the expected years of schooling and mean years of schooling. The Education Index score was at a high level scale with a score of 0.754 in 2023.

Exhibit 4: Education Index, 2023



The Education Index decreased by 0.003 points, with an index score of 0.754 as compared to the previous year's score of 0.757. The indicator for expected years of schooling contributed to this decline in the index.

Chart 2: Education Index, Malaysia, 2015 - 2023



3

GROSS NATIONAL INCOME (GNI) INDEX

Dimension : A decent standard of living
Indicator : Gross National Income (GNI)

The Gross National Income (GNI) Index is calculated based on Gross National Income (GNI) per capita. It was found that the GNI Index score was at a very high level scale with a score value of 0.872.

Exhibit 5: Gross National Income (GNI) Index, 2023




GNI Index	
Year	Score
2022	0.872
2023	0.872



From 2015 to 2019, the GNI Index increased from 0.820 to 0.848. However it declined to 0.839 in 2020. The GNI Index remained at a score of 0.872 in 2023 as compared to 2022, due to encouraging economic performance with Gross Domestic Product (GDP) growth of 3.6 percent.

Chart 3: GNI Index, Malaysia, 2015 - 2023



➔ PERFORMANCE OF MHDl BY STATE


Eight states were at a very high level of development in 2023. The state with the highest MHDl score is W.P. Kuala Lumpur* with a score of 0.890, followed by W.P. Labuan (0.843), Pulau Pinang (0.839), Selangor (0.837), Melaka (0.822), Negeri Sembilan (0.820), Sarawak (0.813), and Pahang (0.801). Meanwhile, the states that registered a high level of development were Johor (0.796), Perak (0.790), Terengganu (0.782), Kedah (0.770), Perlis (0.770), Sabah (0.766) and Kelantan (0.755).

The five states that recorded the highest increase in index points were Melaka, which was 0.011 index points to 0.822 in 2023 as compared to 0.811 in 2022.

Pulau Pinang increased by 0.009 index points to 0.839 as compared to 0.830 during the same period. Meanwhile, W.P. Kuala Lumpur*, Negeri Sembilan and Johor increased by 0.003 index points in 2023.

The three states that recorded the highest decrease in index points were Sarawak, which fell by 0.012 index points from a score of 0.825 to 0.813, and Sabah, which decreased by 0.006 index points from a score of 0.772 to 0.766. Terengganu also saw a decline of 0.005 index points from 0.787 to 0.782. Additionally, Perlis and Perak recorded the same score for both years, with scores of 0.770 and 0.790 respectively.

Exhibit 6: Malaysia Human Development Index by State, 2022 and 2023



Note: *Include W.P. Putrajaya

→ PERFORMANCE OF MHDl BY STATES, 2023



W.P. KUALA LUMPUR*

Year	2022	2023
MHDI	0.886	0.890
GNI Index	1.003	1.008
Life Expectancy Index	0.848	0.851
Education Index	0.818	0.823

*Include W.P. Putrajaya

W.P. Kuala Lumpur* recorded the highest MHDl score of 0.890, indicating a very high level of development. All dimension indices at a very high level of development, with the GNI Index (1.008), followed by the Life Expectancy Index (0.851) and the Education Index (0.823).



W.P. LABUAN

Year	2022	2023
MHDI	0.839	0.843
GNI Index	0.944	0.940
Life Expectancy Index	0.834	0.866
Education Index	0.749	0.735

W.P. Labuan ranked second with MHDl score of 0.843, also at a very high level of development. Two dimension indices were at a very high level: the GNI Index at 0.940 and the Life Expectancy Index at 0.866, while the Education Index was at a high level with a score of 0.735.



PULAU PINANG

Year	2022	2023
MHDI	0.830	0.839
GNI Index	0.913	0.919
Life Expectancy Index	0.822	0.823
Education Index	0.763	0.781

Pulau Pinang ranked third at a very high level of development with MHDl score of 0.839. The GNI Index and Life Expectancy Index were both at a very high level, scoring at 0.919 and 0.823 respectively, while the Education Index was at a high level with a score of 0.781.



SELANGOR

Year	2022	2023
MHDI	0.842	0.837
GNI Index	0.890	0.896
Life Expectancy Index	0.868	0.868
Education Index	0.772	0.753

Selangor was at a very high level of development with MHDl score of 0.837. The GNI Index and Life Expectancy Index were also at a very high level, scoring 0.896 and 0.868 respectively, while the Education Index was at a high level with a score of 0.753.



MELAKA

Year	2022	2023
MHDI	0.810	0.822
GNI Index	0.864	0.874
Life Expectancy Index	0.811	0.815
Education Index	0.759	0.779

Melaka was at a very high level of development with MHDl score of 0.822. Two dimension indices were at a very high level: the GNI Index at 0.874 and the Life Expectancy Index at 0.815, while the Education Index was at a high level with a score of 0.779.



NEGERI SEMBILAN

Year	2022	2023
MHDI	0.817	0.820
GNI Index	0.862	0.868
Life Expectancy Index	0.812	0.814
Education Index	0.778	0.781

Negeri Sembilan was at a very high level of development with MHDI score of 0.820. The GNI Index and Life Expectancy Index were both at a very high level, scoring 0.868 and 0.814 respectively, while the Education Index was at a high level with a score of 0.781.



SARAWAK

Year	2022	2023
MHDI	0.824	0.813
GNI Index	0.935	0.919
Life Expectancy Index	0.831	0.834
Education Index	0.720	0.701

Sarawak was at a very high level of development with MHDI score of 0.813. The GNI Index and Life Expectancy Index were both at a very high level, scoring 0.919 and 0.834 respectively, while the Education Index was at a high level with a score of 0.701.



PAHANG

Year	2022	2023
MHDI	0.803	0.801
GNI Index	0.854	0.850
Life Expectancy Index	0.806	0.803
Education Index	0.753	0.752

Pahang was at a very high level of development with MHDI score of 0.801. This score was supported by the GNI Index at 0.850, followed by the Life Expectancy Index at 0.803. The Education Index, with a score of 0.752, was at a high level.



JOHOR

Year	2022	2023
MHDI	0.794	0.796
GNI Index	0.833	0.836
Life Expectancy Index	0.818	0.820
Education Index	0.734	0.736

Johor was at a high level of development with MHDI score of 0.796. Two dimension indices were at a very high level: the GNI Index at 0.836 and the Life Expectancy Index at 0.820, while the Education Index was at a high level with a score of 0.736.



PERAK

Year	2022	2023
MHDI	0.791	0.790
GNI Index	0.817	0.818
Life Expectancy Index	0.814	0.811
Education Index	0.744	0.742

Perak was at a high level of development with MHDI score of 0.790. The GNI Index and Life Expectancy Index were both at a very high level, scoring 0.818 and 0.811 respectively, while the Education Index was at a high level with a score of 0.742.

SUMMARY OF FINDINGS



TERENGGANU

Year	2022	2023
MHDI	0.787	0.782
GNI Index	0.796	0.791
Life Expectancy Index	0.783	0.783
Education Index	0.781	0.772

Terengganu was at a high level of development with MHDI score of 0.782. All dimension indices were at a high level, with the GNI Index at 0.791, the Life Expectancy Index at 0.783, and the Education Index at 0.772.



KEDAH

Year	2022	2023
MHDI	0.771	0.770
Life Expectancy Index	0.792	0.792
GNI Index	0.764	0.766
Education Index	0.758	0.752

Kedah was at a high level of development with MHDI score of 0.770. All dimension indices were at a high level, with the Life Expectancy Index at 0.792, the GNI Index at 0.766, and the Education Index at 0.752.



PERLIS

Year	2022	2023
MHDI	0.768	0.770
Life Expectancy Index	0.795	0.802
Education Index	0.746	0.756
GNI Index	0.763	0.752

Perlis was at a high level of development with MHDI score of 0.770. One dimension index was at a very high level: the Life Expectancy Index at 0.802. Meanwhile, the Education Index and GNI Index were at a high level, scoring 0.756 and 0.752 respectively.



SABAH

Year	2022	2023
MHDI	0.772	0.766
Life Expectancy Index	0.797	0.805
GNI Index	0.812	0.791
Education Index	0.711	0.707

Sabah was at a high level of development with MHDI score of 0.766. The Life Expectancy Index was at a very high level with a score of 0.805, while the two dimension indices were at a high level: the GNI Index at 0.791 and the Education Index at 0.707.




KELANTAN

Year	2022	2023
MHDI	0.752	0.755
Life Expectancy Index	0.786	0.794
Education Index	0.779	0.777
GNI Index	0.696	0.698

Kelantan was at a high level of development with MHDI score of 0.755. Two dimension indices were at a high level: the Life Expectancy Index at 0.794 and the Education Index at 0.777, while the GNI Index was at a medium level with a score of 0.698.

→ LIFE EXPECTANCY INDEX BY STATE

Chart 4: Life Expectancy Index by State, 2022 and 2023




Note: *Include W.P. Putrajaya

All states recorded a very high Life Expectancy Index in 2023, except for Kelantan (0.794), Kedah (0.792), and Terengganu (0.783). The Life Expectancy Index for all states showed an increase, except for Perak (2022: 0.812) and Pahang (2022: 0.805) decreased to 0.811 and 0.803 in 2023, respectively.

However, the increasing trend for all states showed small score differences and remained at the same level of development as compared to the previous year, except for Sabah, which improved from a high level (2022: 0.797) to a very high level (2023: 0.805).

→ EDUCATION INDEX BY STATE

Chart 5: Education Index by State, 2022 and 2023




Note: *Include W.P. Putrajaya

Analysis of the Education Index showed W.P. Kuala Lumpur* recorded the highest score of 0.823 in 2023 followed by Pulau Pinang (0.781) and Negeri Sembilan (0.781).

W.P. Kuala Lumpur* remained at a very high level of development as compared to the previous year with a score of 0.818 in 2022. Meanwhile, all other states were at a high level of development.

→ GROSS NATIONAL INCOME (GNI) INDEX BY STATE

Chart 6: GNI Index by State, 2022 and 2023



Note: *Include W.P. Putrajaya

The GNI Index scores by state in 2023 indicated that 10 states are at a very high level of development. W.P. Kuala Lumpur* registered highest score of 1.008, followed by three other states with scores exceeding 0.900: W.P. Labuan (0.940), Pulau Pinang (0.919), and Sarawak (0.919). At the same time, four states were at a high level of development: Sabah (0.791), Terengganu (0.791), Kedah (0.766) and Perlis (0.752).

However, only Sabah registered a decline in development levels from a very high level (2022: 0.812) to a high level (2023: 0.791). Meanwhile, Kelantan remained at a medium level of development with a score of 0.698 in 2023.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank



RENCANA

ARTICLE BOX

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

➔ **PENGENALAN HUMAN DEVELOPMENT INDEX (HDI)**

Human Development Index (HDI) merupakan ringkasan yang mengukur pencapaian purata dalam komposit utama pembangunan manusia iaitu kehidupan yang sihat dan umur yang panjang, berpengetahuan dan mempunyai taraf hidup yang baik. *Human Development Reports* telah diterbitkan oleh *United Nations Development Programme* (UNDP) sejak tahun 1990. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) buat julung kali telah menerbitkan Laporan Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (MHDI) 2022 yang memfokuskan dimensi yang sama dalam mengukur kemajuan negara selain daripada aspek ekonomi dengan menggunakan sumber daripada data pentadbiran dan survei nasional hingga ke peringkat negeri.


➔ **PRESTASI HUMAN DEVELOPMENT INDEX (HDI) 2022**

Human Development Report 2023/2024 yang diterbitkan menunjukkan bahawa Malaysia mengekalkan kedudukannya di tempat ke-63 daripada 193 negara dan wilayah, dengan skor 0.807 pada tahun 2022 mengklasifikasikannya dalam kategori ‘Pembangunan yang Sangat Tinggi’. Berdasarkan Laporan Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (MHDI) 2022 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), MHDI 2022 mencatatkan skor 0.816 juga berada pada tahap ‘Pembangunan yang Sangat Tinggi’. Prestasi ini mengukuhkan lagi status Malaysia yang kekal dalam tahap pembangunan yang sama berdasarkan kedua-dua laporan, secara tidak langsung mencerminkan pembangunan mampan yang konsisten bagi rakyat Malaysia.

➔ **TREND HDI, 2015 - 2022**

Skor indeks HDI Dunia meningkat 0.015 mata indeks antara tahun 2015 hingga 2022 manakala skor indeks bagi Asia Selatan meningkat 0.025 mata indeks pada tempoh yang sama. Skor Indeks MHDI Malaysia bagi tempoh 2015 hingga 2022 meningkat daripada 0.796 kepada 0.816, dengan peningkatan 0.02 mata indeks.

Carta 1: Trend HDI, 2015 - 2022




Nota:

1. Data bagi Malaysia adalah daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)
2. Data bagi Dunia dan Asia Selatan adalah daripada *Human Development Report, 2023/2024*

→ **SKOR HDI BAGI NEGARA ASEAN, 2022**

Perbandingan skor HDI bagi negara ASEAN menunjukkan Singapura mencatatkan skor HDI tertinggi iaitu 0.949, diikuti oleh Brunei Darussalam (0.823) dan Malaysia berada di tempat ketiga dengan skor 0.807. Kemboja mencatatkan nilai skor terendah iaitu 0.600. Sementara itu, berdasarkan Laporan Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia (MHDI) 2022 yang diterbitkan oleh DOSM, Malaysia mencatatkan skor 0.816 iaitu berada di kedudukan ketiga tertinggi di ASEAN selepas Singapura dan Brunei Darussalam.

Paparan 1: Skor HDI bagi Negara ASEAN, 2022



Sumber: Human Development Report, 2023/2024

→ KEDUDUKAN HDI BAGI NEGARA TERPILIH, 2022

Skor HDI menunjukkan Switzerland menduduki tempat pertama dengan skor 0.967, diikuti oleh Norway (0.966), Iceland (0.959), Hong Kong (0.956) dan Denmark (0.952). Berdasarkan *Human Development Report 2023/2024* yang dikeluarkan oleh UNDP, Malaysia berada di kedudukan ke-63 dengan skor 0.807. Mengambil kira skor MHDI 0.816, Malaysia berada di kedudukan ke-60 selepas Oman.

Paparan 2: Kedudukan HDI bagi Negara Terpilih, 2022

Negara	Kedudukan	Skor
Switzerland	1	0.967
Norway	2	0.966
Iceland	3	0.959
Hong Kong, China (SAR)	4	0.956
Denmark	5	0.952
⋮		
Oman	59	0.819
Georgia	60	0.814
Trinidad and Tobago	61	0.814
Barbados	62	0.809
Malaysia	63	0.807
Costa Rica	64	0.806

MHDI 2022:
0.816

Sumber: *Human Development Report, 2023/2024*

→ KESIMPULAN

Pada tahun 2022, Malaysia kekal berada dalam kategori pembangunan manusia yang sangat tinggi berdasarkan kedua-dua laporan, iaitu *Human Development Report* (UNDP) dan *Malaysia Human Development Index* (DOSM). Skor HDI Malaysia meningkat daripada 0.798 kepada 0.807, sementara MHDI pula mencatatkan skor 0.816, meningkat daripada 0.806 pada tahun 2021. Kedua-dua laporan ini menunjukkan pola serupa, dengan Malaysia mengekalkan statusnya dalam kategori sangat tinggi, mencerminkan pertumbuhan mampan dalam dimensi utama pembangunan seperti jangkaan hayat, pendidikan, dan Pendapatan Negara Kasar (PNK).

Sumber:

1. *United Nations Development Programme* (UNDP). (2022). *Human Development Report 2023/2024*
2. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). (2022). Laporan Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank

→ INTRODUCTION OF THE HUMAN DEVELOPMENT INDEX (HDI)

The Human Development Index (HDI) is a summary measure that assesses average achievement in three main dimensions of human development: a long and healthy life, knowledge, and a decent standard of living. Human Development Reports have been published by the United Nations Development Programme (UNDP) since 1990. For the first time, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) has published the Malaysia Human Development Index (MHDI) Report 2022, which focuses on the same dimensions in measuring a country's progress beyond economic aspects, using administrative and national survey data down to the state level.


→ PERFORMANCE OF THE HUMAN DEVELOPMENT INDEX (HDI) 2022

Human Development Report 2023/2024 shows that Malaysia has maintained its position at 63rd place out of 193 countries and territories, with a score of 0.807 in 2022, classifying it in the 'Very High Development' category. According to the Malaysia Human Development Index (MHDI) 2022 Report published by the Department of Statistics Malaysia (DOSM), the MHDI 2022 recorded a score of 0.816, also falling under the 'Very High Development' category. This performance further reinforces Malaysia's status as consistently remaining at the same level of development in both reports, indirectly reflecting sustainable development for Malaysians.

→ HDI TREND, 2015 - 2022

The global HDI index score increased by 0.015 points between 2015 and 2022, while the index score for South Asia rose by 0.025 points during the same period. Malaysia's MHDI index score increased from 0.796 to 0.816 between 2015 and 2022, reflecting an improvement of 0.02 points.

Chart 1: HDI Trend, 2015 - 2022




Notes:

1. Data for Malaysia is from Department of Statistics Malaysia (DOSM)
2. Data for World and South Asia are from Human Development Report, 2023/2024

→ **HDI SCORES FOR ASEAN COUNTRIES, 2022**

A comparison of HDI scores among ASEAN countries shows that Singapore recorded the highest HDI score at 0.949, followed by Brunei Darussalam (0.823), with Malaysia ranking third with a score of 0.807. Cambodia recorded the lowest score at 0.600. Meanwhile, based on the Malaysia Human Development Index (MHDI) published by DOSM, Malaysia recorded a score of 0.816, also maintaining the third-highest position in ASEAN after Singapore and Brunei Darussalam.

Exhibit 1: HDI scores for ASEAN Countries, 2022



Source: Human Development Report, 2023/2024

→ HDI RANKINGS FOR SELECTED COUNTRIES, 2022

The HDI scores indicate that Switzerland ranked first with a score of 0.967, followed by Norway (0.966), Iceland (0.959), Hong Kong (0.956), and Denmark (0.952). According to the Human Development Report 2022 released by UNDP, Malaysia ranked 63rd with a score of 0.807. Considering the MHDl score of 0.816, Malaysia is positioned 60th, just after Oman.

Exhibit 2: HDI Rankings for Selected Countries, 2022

Countries	Ranking	Score	
Switzerland	1	0.967	
Norway	2	0.966	
Iceland	3	0.959	
Hong Kong, China (SAR)	4	0.956	
Denmark	5	0.952	
Oman	59	0.819	MHDI 2022: 0.816
Georgia	60	0.814	
Trinidad and Tobago	61	0.814	
Barbados	62	0.809	
Malaysia	63	0.807	
Costa Rica	64	0.806	

Source: Human Development Report, 2023/2024

→ CONCLUSION

In 2022, Malaysia remained in the very high human development category according to both the Human Development Report (UNDP) and the Malaysia Human Development Index (DOSM). Malaysia's HDI score increase from 0.798 to 0.807, while the MHDl recorded a score of 0.816, increase from 0.806 in 2021. Both reports reflect a similar trend, highlighting Malaysia's consistent status in the very high category. This indicates sustainable growth across key dimensions of development such as life expectancy, education, and Gross National Income (GNI).

Sources:

1. United Nations Development Programme (UNDP). (2022). Human Development Report 2022
2. Department of Statistics Malaysia (DOSM). (2022). Malaysia Human Development Index Report

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank



JADUAL STATISTIK

STATISTICAL TABLES

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong
This page is deliberately left blank



STATISTIK INDEKS PEMBANGUNAN RAKYAT MALAYSIA

*MALAYSIA HUMAN
DEVELOPMENT
INDEX STATISTICS*

A1 Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia 2023
Malaysia Human Development Index 2023

Negeri State	Indeks Jangkaan Hayat <i>Life Expectancy Index</i>	Indeks Pendidikan <i>Education Index</i>	Indeks PNK GNI <i>Index</i>	MHDI
Johor	0.820	0.736	0.836	0.796
Kedah	0.792	0.752	0.766	0.770
Kelantan	0.794	0.777	0.698	0.755
Melaka	0.815	0.779	0.874	0.822
Negeri Sembilan	0.814	0.781	0.868	0.820
Pahang	0.803	0.752	0.850	0.801
Pulau Pinang	0.823	0.781	0.919	0.839
Perak	0.811	0.742	0.818	0.790
Perlis	0.802	0.756	0.752	0.770
Selangor	0.868	0.753	0.896	0.837
Terengganu	0.783	0.772	0.791	0.782
Sabah	0.805	0.707	0.791	0.766
Sarawak	0.834	0.701	0.919	0.813
W.P. Kuala Lumpur*	0.851	0.823	1.008	0.890
W.P. Labuan	0.866	0.735	0.940	0.843
MALAYSIA	0.826	0.754	0.872	0.816

Nota:

- *Termasuk W.P. Putrajaya
- Data merujuk kepada warganegara Malaysia

Notes:

- *Include W.P. Putrajaya
- Data refer to Malaysia citizens

A2 Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia 2022
Malaysia Human Development Index 2022

Negeri State	Indeks Jangkaan Hayat <i>Life Expectancy Index</i>	Indeks Pendidikan <i>Education Index</i>	Indeks PNK GNI <i>Index</i>	MHDI
Johor	0.817	0.734	0.833	0.793
Kedah	0.792	0.758	0.764	0.771
Kelantan	0.789	0.779	0.696	0.753
Melaka	0.812	0.759	0.864	0.811
Negeri Sembilan	0.812	0.778	0.862	0.817
Pahang	0.805	0.753	0.854	0.803
Pulau Pinang	0.822	0.763	0.913	0.830
Perak	0.812	0.744	0.818	0.790
Perlis	0.802	0.763	0.746	0.770
Selangor	0.865	0.772	0.890	0.841
Terengganu	0.783	0.781	0.796	0.787
Sabah	0.797	0.711	0.812	0.772
Sarawak	0.832	0.720	0.936	0.825
W.P. Kuala Lumpur*	0.851	0.818	1.003	0.887
W.P. Labuan	0.840	0.749	0.943	0.841
MALAYSIA	0.823	0.757	0.872	0.816

Nota:

- *Termasuk W.P. Putrajaya
- Data merujuk kepada warganegara Malaysia

Notes:

- *Include W.P. Putrajaya
- Data refer to Malaysia citizens

A3 Indeks Pembangunan Rakyat Malaysia 2021
Malaysia Human Development Index 2021

Negeri State	Indeks Jangkaan Hayat <i>Life Expectancy Index</i>	Indeks Pendidikan <i>Education Index</i>	Indeks PNK GNI <i>Index</i>	MHDI
Johor	0.818	0.730	0.815	0.787
Kedah	0.798	0.764	0.749	0.770
Kelantan	0.791	0.777	0.687	0.750
Melaka	0.814	0.781	0.845	0.813
Negeri Sembilan	0.814	0.768	0.845	0.808
Pahang	0.808	0.750	0.834	0.796
Pulau Pinang	0.823	0.780	0.890	0.830
